

MCA: Jangan heret isu 'anjing dan aidilfitri' untuk kempen pemilihan parti
Malaysian Insider
Aug 1 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik

MCA hari ini menggesa pemimpin parti politik tidak menggunakan modal isu 'anjing dan Aidilfitri' sebagai bahan kempen pemilihan parti meskipun kebanyakan parti politik di Malaysia kini dalam proses untuk mengadakan pemilihan.

Datuk Heng Seai Kie (gambar) meminta pelbagai lapisan pimpinan dalam parti supaya menjaga pertuturan yang diucapkan dan tidak sekali-kali mengorbankan perpaduan kaum demi membangunkan agenda politik peribadi.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi Biro Publisiti MCA berharap insiden itu dapat memberi pengajaran dan mendidik masyarakat untuk sedar dan menjadi lebih sensitif.

Katanya, video ucapan Aidilfitri disiarkan menerusi internet memaparkan tiga ekor anjing bersama tuannya bertajuk "Raikanlah Aidilfitri bersama-sama tanpa mengira spesies, warna dan asal-usul" adalah satu usaha provokasi dan menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab.

"Adalah dikesali video berkenaan menjadi hangat sewaktu insiden hampir sama berlaku seperti ucapan berbuka puasa Alvivi, kontroversi kantin di bilik mandi dan ungkapan "balik India dan China" oleh seorang pengetua sekolah.

"Tidak salah untuk memberikan ucapan sempena sambutan perayaan namun harus mengelak dari melanggar sensitiviti bangsa, budaya dan agama. Bagi mengelak sebarang bentuk polarisasi, kami menggesa orang awam untuk tidak memberikan komen yang tidak wajar tanpa siasatan dilakukan terlebih dahulu," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Katanya, rakyat Malaysia mesti menghormati kepercayaan dan nilai agama lain serta mesti sensitif dengan tidak menerbitkan kandungan atau isu yang disifatkan menghina atau memberi kesan kepada orang lain.

Naib Setiausaha Organisasi Kebangsaan MCA itu menegaskan meskipun Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan menyatakan semua orang bebas untuk beragama namun tidak bermaksud seseorang boleh melakukan apa sahaja dengan mengenyepikan sensitiviti budaya dan agama lain.

"Saya turut meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengambil tindakan segera bagi mengelak video berkenaan daripada terus disebar yang bakal mencetus konflik dan salah faham," katanya.

Beliau turut menggesa SKMM mengambil tindakan yang adil dan saksama tanpa mengira etnik dan kepercayaan jika jelas mewujudkan provokasi dan mengancam perpaduan dan keharmonian negara.

Semalam, The Malaysian Insider melaporkan pelatih anjing berusia 38 tahun dalam video itu ialah Maznah Mohd Yusof ditahan berhubung klip video yang menunjukkan tiga ekor anjing melakukan pergerakan seolah-olah mengambil wuduk dengan menggunakan takbir raya sebagai latar belakang bunyi.

Maznah berkata, berdasarkan pengetahuannya, Islam tidak pernah menghalang umatnya daripada membela atau menjaga anjing dan mengapa video ini dijadikan isu setelah tiga tahun pembikinannya. - 1 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-jangan-heret-isu-anjing-dan-aidilfitri-untuk-kempen-pemilihan-parti>